



# POLISI PENGUMPULAN DANA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nama Polisi	: Polisi Pengumpulan Dana Universiti
Nombor Polisi	:
Diluluskan Oleh	: Lembaga Pengarah Universiti
Tarikh Kuat kuasa	: 13 Ogos 2019
Pautan Rasmi	: <a href="http://registrar.utm.my/governan">http://registrar.utm.my/governan</a>

## **SEKSYEN 1: PENGENALAN**

### **1.1 TUJUAN**

Polisi ini disediakan sebagai panduan untuk menyelaras setiap aktiviti pengumpulan dana untuk Universiti.

### **1.2 SKOP KUAT KUASA PEMAKAIAN POLISI**

Polisi ini adalah terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti yang menjalankan aktiviti pengumpulan dana untuk aktiviti Universiti.

Pemberian hadiah kepada individu atas kepentingan peribadi adalah tertakluk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil 10/2017.

### **1.3 DASAR DAN POLISI BERKAITAN**

Dasar Universiti Teknologi Malaysia

### **1.4 PRINSIP POLISI**

Universiti komited untuk menjalankan pengumpulan dana bagi:

1.4.1 Memperluaskan akses pendidikan kepada semua golongan pelajar dan membantu golongan pelajar kurang berkemampuan.

1.4.2 Menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti.

1.4.3 Menggalakkan masyarakat untuk menyemarakkan budaya memberi dengan menyediakan wadah yang berintegriti.

## 1.5 DEFINISI

<b>Perkataan / Istilah</b>	<b>Definisi</b>
Hibah	ertinya hadiah yang diberikan oleh penyumbang semasa hidup.
Pelajar	ertinya mana-mana pelajar berdaftar yang mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa atau sambilan di Universiti
Pengumpulan dana	ertinya aktiviti mengumpul pelbagai sumbangan dan hadiah.
Penyumbang	ertinya mana-mana individu atau badan organisasi yang memberi hadiah kepada Universiti.
Persatuan	ertinya mana-mana persatuan, kelab, pertubuhan yang ditubuhkan oleh staf dan pelajar yang ditubuhkan secara rasmi melalui mana-mana Pusat Tanggungjawab Universiti.
Pusat Tanggungjawab Universiti	ertinya mana-mana unit, bahagian, jabatan, pejabat, sekolah, fakulti, dan lain-lain pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan aktiviti pengumpulan dana.
Staf	ertinya orang yang bekerja di Universiti.
Sumbangan dan hadiah	<p>ertinya pemberian atau tajaan kepada universiti dari penyumbang yang boleh terdiri dari wang tunai, dan lain-lain seperti harta tanah, peralatan, saham, perkhidmatan, pelbagai barang, hasil karya seni, bahan perpustakaan atau arkib untuk kegunaan Universiti. Hadiah boleh diberikan semasa hidup dalam bentuk hibah atau selepas kematian penyumbang seperti wasiat.</p> <p>Pemberian hadiah kepada individu atas kepentingan peribadi adalah tertakluk kepada Pekeliling Pentadbiran Bil 10/2017.</p>
Sumbangan filantropi	ertinya sumbangan yang diterima dari filantropi.
Sumbangan padanan	ertinya dana Universiti digunakan untuk pemadanan dana ( <i>matching grant</i> ) sumbangan filantropi yang sama atau kurang dengan nilai sumbangan.

Universiti	ertiinya Universiti Teknologi Malaysia.
Wasiat	ertiya sumbangan yang dijanjikan oleh penyumbang dan disempurnakan setelah penyumbang meninggal dunia.

## 1.6 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Perlembagaan UTM	Seksyen 48, kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana dan menerima hadiah
Akta Cukai Pendapatan 1967	Subseksyen 44(6), penyumbang dana layak memohon pengecualian cukai tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan

## SEKSYEN 2 : PERNYATAAN POLISI

- 2.1 Pusat Tanggungjawab Universiti dan Persatuan adalah dibenarkan untuk berhubung dengan mana-mana individu, pemegang amanah, alumni, mana-mana staf fakulti, badan persatuan atau badan organisasi secara berkala bagi tujuan mendapatkan pengumpulan dana.
- 2.2 Staf atau pelajar dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pengumpulan dana setelah mendapat kelulusan Universiti.
- 2.3 Pihak Universiti hanya menerima sumbangan dana yang selaras dengan prinsip dan keutamaan Universiti dan tidak akan menerima sumbangan yang akan menjelaskan imej, integriti, autonomi dan kebebasan akademik Universiti.
- 2.4 Bagi tujuan pengumpulan dana secara strategik, Universiti boleh menggunakan dana dari sumber kewangan sendiri atau mana-mana dana untuk pemasaran

dana (*matching grant*) filantropi dengan mengambil kira ianya tidak bercanggah dengan dasar kelestarian kewangan Universiti.

- 2.5 Atas dasar saling menghormati, Universiti mengamalkan budaya pendekatan beretika dalam mendapatkan maklumat penyumbang. Ini termasuklah pengesahan dalam konteks pemberian resit dan laporan kepada penyumbang dalam memastikan segala maklumat penyumbang adalah dilindungi.
- 2.6 Penyumbang dana boleh menetapkan pemberian dana untuk tujuan khusus atau umum, dengan syarat bahawa tujuan itu selari dengan misi Universiti, pelan strategik dan keutamaan semasa serta selaras dengan segala peraturan semasa yang berkuatkuasa di Universiti.
- 2.7 Universiti boleh membenarkan mana-mana bahagian di Universiti diberi nama atas nama penyumbang.

### **SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI**

#### **PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN**

Bil.	PTJ
1.	Semua Pusat Tanggungjawab
2.	Semua Persatuan

## **SEKSYEN 4: TADBIR URUS**

### **4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI**

<b>Pemilik dan Penguatkuasa Polisi</b>	Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
<b>Pengurus Dokumen Polisi PTJ</b>	Timbalan Pendaftar Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
<b>Pengurus Dokumen Polisi</b>	Ketua Seksyen Governan

### **4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN**

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1	13 Ogos 2019	Lembaga Pengarah Universiti	-